



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	7/8/2019	MUKA SURAT	:	44
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gajah liar ganggu penduduk ditangkap

GERIK 6 Ogos - Kebimbangan penduduk Kampung Rancangan Plang di sini berikutan kemunculan seekor gajah sejak dua bulan lalu kini reda apabila haiwan berkenaan berjaya ditangkap Sabtu lalu.

Gajah jantan yang digelar 'Awang Plang' berusia lingkungan 20-25 tahun itu ditangkap oleh sepasukan lapan pegawai Unit Tangkapan Gajah (UTG) Gerik, Sungai Siput dan Selama.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri, Yusoff Shariff berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk berkenaan haiwan tersebut yang dikatakan masuk ke kawasan kampung dan merosakkan tanaman.

Katanya, menurut penduduk, mereka menjumpai kesan tapak kaki dan tahi

haiwan itu ketika keluar ke kebun dan menoreh getah.

"Operasi menangkap gajah itu bermula sejak 27 Julai lalu dan pemerhatian mendapati gajah liar berkenaan dipercayai terkeluar dari kawanan gajah lain dan mencari makanan di kawasan kampung itu.

"Tangkapan ke atas haiwan tersebut dilakukan apabila haiwan dengan berat dua tan itu menghampiri rumah penduduk," katanya.

Menurut beliau, gajah berkenaan kini di bawah pemantauan unit UTG Gerik dan keadaannya disahkan sihat.

"Pasukan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Pahang dipanggil untuk membantu memindahkan gajah berkenaan ke habitat asalnya di Hutan Simpan Royal Belum, Khamis ini," katanya.